

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]
TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 153

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kewangan dan hutang negara sekarang dan berapakah jumlah hutang negara yang telah dibayar semenjak PH menjadi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhan, hutang dan liabiliti kerajaan adalah berjumlah **RM1.1 trilion, atau sekitar 75%** berbanding KDNK pada akhir tahun 2018. Jumlah ini mengambil kira hutang langsung kerajaan, komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai oleh Kerajaan, serta liabiliti lain termasuk bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) dan hutang syarikat 1MDB. Kedudukan hutang dan liabiliti kerajaan untuk tahun 2018 telah turun sebanyak 4 mata peratusan daripada 79% pada tahun 2017.
2. Kedudukan **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** yang dikawal selia di bawah akta-akta pinjaman iaitu Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637], Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403], dan Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] adalah sebanyak **RM741.0 bilion atau 51%** daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir-2018, iaitu kekal di bawah paras 55% daripada KDNK.
3. **Komitmen jaminan yang ditanggung dan dibiayai Kerajaan** adalah sebanyak RM132.7 bilion, atau 9% berbanding KDNK bagi akhir tahun 2018. Ia terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. **Bayaran pajakan kewangan dan liabiliti lain** seperti 1MDB pula adalah sebanyak RM217.1 bilion atau 15% berbanding KDNK pada akhir 2018.
4. Bagi tahun 2018, Kerajaan telah membuat bayaran balik pokok sebanyak RM77.1 bilion melalui pembiayaan semula dan RM30.5 bilion atau 13.1% daripada kutipan hasil telah dibelanjakan bagi tujuan bayaran khidmat hutang. Bagi tempoh suku pertama 2019 pula, sejumlah RM11.8 bilion telah digunakan untuk membuat bayaran balik pokok dan RM6.1 bilion atau 9.6% daripada kutipan hasil telah dibelanjakan untuk bayaran khidmat hutang.